

25/12/2008 (Khamis)

Sentral: MPAJ pantau 18 projek tanah tinggi

Oleh Hanisah Selamat nisa@bharian.com.my

SUBANG JAYA: Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menjalankan pemantauan berkala membabitkan 18 projek pembangunan tanah tinggi melebihi 25 darjah di kawasan pentadbirannya bersama agensi berkaitan bagi memastikan tahap keselamatan kawasan sekitarnya.

Yang Dipertuanya, Datuk Adnan Md Ikhsan, berkata hanya lapan daripada projek berkenaan sudah siap sepenuhnya dan diduduki manakala selebihnya masih dalam pembinaan malah sehingga kini belum ada permohonan baru membabitkan pembinaan baru.

“Setakat ini semua projek tanah tinggi sama ada yang masih berjalan atau sudah berpenghuni dipantau dari semasa ke semasa kerana keadaan cuaca boleh memberi kesan, begitu juga pembangunan di sekeliling tetapi sehingga kini situasi tidak membimbangkan.

“Kalau ada pun kejadian, ia masih pada tahap terkawal contohnya di Seri Kembangan, Bukit Serdang dan Taman Universiti yang satu antaranya sudah dibaik pulih selain dua lagi sedang dalam proses pemulihan membabitkan kos kira-kira RM600,000.

“Kita juga bekerjasama dengan pemaju perumahan untuk kerja pemantauan dan kerja membaik pulih seperti di Pangsapuri Lafite di SS17 Subang Jaya. Walaupun empat laporan ini didapati pada tahap terkawal, usaha berterusan akan dijalankan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Bulanan MPSJ di sini, kelmarin.

Adnan berkata, begitupun sehingga kini pihaknya belum menerima sebarang permohonan baru untuk pembinaan melebihi cerun yang dibenarkan malah kelulusan harus melalui peringkat kerajaan negeri iaitu Jawatankuasa Tanah Tinggi sebelum diajukan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT).

Sementara itu, Adnan berkata, MPSJ tidak akan mengeluarkan sebarang lesen bagi premis besi buruk berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Selangor pada 3 November lalu yang menetapkan setiap PBT menetapkan kuota.

25/12/2008 (Khamis)

Utara: Pantai Pulau Asmara terbiar

Oleh Syed Ismail Syed Abu Bakar bhnews@bharian.com.my

GEORGETOWN: Kemudahan tempat berehat di Pantai Pulau Asmara, Batu Feringgi, dekat sini, runtuh dan mengalami kerosakan teruk selepas tiada sebarang tindakan memulihkannya diambil oleh pihak berkuasa.

Tempat berehat termasuk dua menara rehat berbentuk wakaf yang dikenali ramai sebagai tempat tumpuan perkelahan kini semakin sepi selepas runtuh minggu lalu. Malah, kemudahan yang dibina membabitkan peruntukan kira-kira RM100,000 dengan peruntukan Pejabat Daerah Timur Laut beberapa tahun lalu kini dilihat rosak dan dipenuhi semak samun.

Apa yang lebih membahayakan, tangga yang mengalami kesan reput ke menara rehat itu juga sudah tertanggal. Keadaan itu menyebabkan ramai pengunjung termasuk pelancong asing takut untuk singgah untuk berehat seketika sambil melihat Pulau Asmara itu. Kemudahan lain seperti tandas yang disediakan untuk kegunaan orang awam juga ditutup dengan kunci walaupun papan tanda tertera waktu beroperasi mulai jam 7.30 pagi hingga jam 7 malam. Ia sekali gus menimbulkan tanda tanya terutama dikalangan pengunjung mengenai penjagaan atau tindakan untuk membaik pulih kemudahan yang disediakan itu.

Pengunjung, Ooi Thean Guan, 50 berkata bumbung menara rehat itu runtuh selepas dia berjalan keluar selepas berehat beberapa jam di situ. "Ketika kejadian saya berseorangan dan bernasib baik apabila menara itu tiba-tiba runtuh sendiri," katanya. Beliau berkata, kemudahan yang rosak itu perlu diperbaiki segera kerana ia bukan saja dilawati penduduk setempat tetapi juga pelancong asing.

Mohd Hafiz Kassim, 25 dari Permatang Pauh, berkata tempat itu menjadi kunjungan wajib setiap minggu untuk berehat sambil menenangkan fikiran kerana persekitarannya yang cantik. "Kemudahan terbiar itu sudah pasti akan menjadi projek 'Gajah Putih' apabila ditinggalkan begitu saja," katanya. Beliau berkata, kegagalan menyelenggara kemudahan di situ adalah satu kerugian yang menyaksikan pembaziran wang rakyat. Katanya, keadaan tangga yang reput dibimbangi boleh runtuh pada bila-bila masa dan tidak mustahil menara rehat juga mengalami nasib sama.

Sementara itu, Yang dipertua Majlis Perbandaran Pinang (MPPP), Datuk Zainal Rahim Seman, berkata pihaknya bercadang untuk mengambil alih projek pemulihan lokasi berehat itu. "Saya akan berusaha untuk mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan bagi memulihkan segera tempat ini yang berpotensi dimajukan sebagai tempat tumpuan umum," katanya.

27/12/2008 (Sabtu)

MPS pantau projek tanah cerun elak tragedi

SEREMBAN: Majlis Perbandaran Seremban (MPS) akan memfokuskan kepada aspek kemanusiaan dalam setiap projek pembangunan yang dilaksanakan di kawasan pentadbirannya bagi mengelakkan kejadian tanah runtuh seperti yang berlaku di Bukit Antarabangsa, Hulu Klang, Selangor baru-baru ini. Yang Dipertuanya, Datuk Abdul Halim Abdul Latif, berkata walaupun tiada kejadian tanah runtuh yang mengakibatkan kehilangan nyawa berlaku dalam kawasan pentadbiran MPS, tetapi pemantauan menyeluruh perlu dijalankan bagi mengelakkan ia berlaku.

Beliau berkata, antara langkah yang diambil ialah memastikan semua pemaju swasta yang melaksanakan projek pembangunan perlu mematuhi peraturan, terutama membabitkan projek yang dilaksanakan di kawasan tanah tinggi dan cerun. "Setiap pemaju yang melaksanakan projek hartanah di daerah ini perlu mematuhi peraturan dan spesifikasi ditetapkan termasuk mengemukakan pelan terperinci antaranya pembinaan di kawasan tanah tinggi tidak melebihi 20 peratus kecerunan dan pemotongan bukit hanya sekitar 4.8 meter bagi memastikan kedudukan tanah stabil. "Selain itu pemaju juga dikehendaki mengemukakan pelan tanah dan perparitan secara serentak untuk diteliti berbanding sebelum ini kedua-dua aspek itu dihantar secara berasingan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan program tanggungjawab sosial korporat (CSR), Parkson Corporation Berhad (Parkson) di Dataran Bunga Raya, Taman Tasik Seremban di sini, yang turut dihadiri, Pengurus Operasi Parkson, Lim Wee Luen. Pada program itu, Parkson meraikan kanak-kanak kurang upaya daripada dua pertubuhan kebajikan iaitu Persatuan Kebajikan Kanak-Kanak Rhema dan Persatuan Kebajikan Penjagaan Orang Kurang Upaya dan Terencat Akal Seremban.

Abdul Halim berkata, pemaju hartanah perlu bertanggungjawab terhadap setiap projek pembangunan yang dilaksanakan dan pihaknya akan memastikan setiap syarat yang ditetapkan itu dipatuhi.

"Pemantauan yang lebih rapi akan dijalankan supaya pemaju hartanah mematuhi semua spesifikasi bagi menjamin keselamatan orang ramai," katanya yang turut memuji langkah Parkson dalam program memulihara alam sekitar yang menjadi antara perkara yang terkandung dalam Local Agenda 21 (LA 21) pihak berkuasa tempatan (PBT).

28/12/2008 (Ahad)

Imigresen diminta tingkat kawalan di Jeti Sabindo

Oleh Hassan Omar bhnews@bharian.com.my



PERAHU dan bot kecil bernombor pendaftaran TW dipercayai digunakan rakyat asing bebas mendarat di Jeti Sabindo, Tawau.

Rakyat Indonesia dikesan mendarat tanpa dokumen sah

TAWAU: Agensi penguat kuasa, terutama Jabatan Imigresen dan polis harus meningkatkan kawalan di Jeti Sabindo di bandar ini bagi memastikan rakyat Indonesia, terutama dari Pulau Sebatik (Wilayah Indonesia), dekat sini tidak mendarat sesuka hati di jeti berkenaan. Jeti itu dipercayai dijadikan landasan utama rakyat Indonesia di pulau berkenaan untuk mendarat dan membawa pelbagai jenis barang kawalan ke republik itu. Dengan menggunakan perahu atau bot kecil bernombor pendaftaran TW, mereka dipercayai dengan mudah mendarat di jeti berkenaan bukan setakat menjalani kehidupan harian di bandar ini, malah membawa barang kawalan seperti minyak masak, beras, tepung dan seumpamanya ke Indonesia.

Ironinya, walaupun beberapa bot agensi penguat kuasa undang-undang seperti polis marin, Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Laut dan Tentera Darat berlabuh di kawasan berhampiran jeti berkenaan, penduduk dari pulau itu (Wilayah Indonesia), terutama dari Kampung Sungai Nyamuk dikesan bebas mendarat dan membeli barangan berkenaan.

Pulau Sebatik boleh dikunjungi dengan menggunakan bot penambang dari jeti berkenaan dengan tempoh perjalanan setengah jam. Pulau itu terbahagi dua dengan satu wilayah dimiliki Malaysia dan satu lagi oleh Indonesia. Bagaimanapun, tiada sempadan jelas di kedua-dua wilayah berkenaan berikutan tiada pagar atau tembok memisahkannya.

Tinjauan Berita Minggu, di sini semalam mendapati, sejak awal pagi, bot kecil dan perahu bernombor pendaftaran TW sudah tiba di jeti berkenaan untuk menurunkan penumpang, selain memuatkan barang, terutama bahan makanan ke dalam alat pengangkutan air itu. Sumber memberitahu Berita Minggu, kebanyakan penumpang dan pengendali bot kecil serta perahu itu dipercayai menggunakan MyKad dipercayai palsu dan dokumen pengenalan diri Indonesia.

"Mereka digelar makhluk dua alam. Dari mana mereka mendapat MyKad, saya tak tahu, tetapi saya pernah melihat mereka mempamerkan MyKad dan kad pengenalan Indonesia kepada

saya. "Dengan jarak perjalanan setengah jam dari jeti ini ke Sungai Nyamuk, mereka bebas keluar masuk sedangkan rakyat Malaysia di Pulau Sebatik tidak berani memasuki wilayah mereka tanpa dokumen perjalanan rasmi," katanya.

Sumber itu mendakwa, di kawasan sempadan antara Indonesia-Malaysia, terutama di Kampung Sungai Nyamuk yang bersempadan dengan Kampung Sungai Melayu, Tentera Nasional Indonesia (TNI) sering meronda sedangkan anggota tentera Malaysia dan Pasukan Gerak Am (PGA) lebih gemar 'memerap' di pos kawalan masing-masing. Sumber lain memberitahu, rakyat Indonesia memperoleh nombor pendaftaran bot kecil dan perahu TW dengan membeli lesen bot dan perahu daripada rakyat tempatan.

"Dengan menggunakan nombor pendaftaran itu, mereka mengangkut beras, tepung, minyak masak, gas memasak dan lain-lain ke Indonesia. Perkara ini bukannya tidak berasas. Bagaimanapun, sukar untuk membuktikan mereka menggunakan MyKad palsu kerana ia sudah menjadi lumrah di sini," katanya.

Bagaimanapun, kata sumber itu, perkhidmatan feri dari Jeti Jabatan Imigresen ke Pulau Nunukan dan Tarakan, Indonesia tetap mendarat di jeti berkenaan dengan rakyat Indonesia dipercayai menggunakan dokumen perjalanan rasmi untuk memasuki Malaysia.

Sehubungan itu, beliau meminta agensi penguat kuasa undang-undang supaya lebih komited menjalankan tugas memelihara kedaulatan wilayah Malaysia daripada dicerobohi dengan mudah oleh rakyat asing.

Walaupun ia sudah menjadi lumrah, usaha perlu dilakukan bagi memastikan bandar ini tidak dipenuhi dengan rakyat asing yang mencuri peluang pekerjaan rakyat tempatan, selain melarikan barangan kawalan ke negara mereka.

28/12/2008 (Ahad)

'Jangan seludup diesel subsidi'

Oleh Ramli Hussin bhkb@bharian.com.my



SEBAHAGIAN daripada anggota APMN menyertai gerak kerja gotong-royong membersihkan kawasan dan membina kemudahan asas Madrasah Ahsanul Ulum, Tok Bali, dekat Pasir Puteh, semalam.

APPM tingkat pengawasan perairan 24 jam

PASIR PUTEH: Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) memberi amaran kepada nelayan di Pantai Timur terutama di perairan sempadan Thailand, supaya tidak mengambil kesempatan menyeludup diesel subsidi nelayan ke negara jiran ekoran penurunan harga bahan itu, baru-baru ini. Ketua APMM D10 yang berpangkalan di Tok Bali, di sini, Komander Razali Ismail, berkata kemungkinan itu tidak mustahil memandangkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersetuju menurunkan harga subsidi itu sebanyak 10 sen mulai Januari ini.

"Kita minta nelayan supaya tidak menyeludup atau cuba menjual diesel ke negara jiran berikutan harga bahan bakar itu yang dijual lebih mahal di pasaran Thailand iaitu RM2 seliter," katanya kepada pemberita pada majlis gerak kerja gotong-royong membersihkan kawasan dan membina kemudahan asas Madrasah Ahsanul Ulum, Tok Bali di sini, semalam.

Lebih 50 anggota APMM daripada pelbagai peringkat menyertai gerak kerja itu termasuk membina bekalan air telaga tiub bagi keperluan 50 pelajar madrasah berkenaan yang mengikuti kelas tahfiz al-Quran di situ. Bulan lalu, agensi itu berjaya merampas 5,100 liter diesel subsidi yang disorok dalam tangki bot nelayan yang diubah suai di perairan Kuala Besar, dekat Kota Bharu yang dipercayai hendak diseludup ke Tak Bai, Thailand. Razali berkata, APMM akan mempertingkatkan pengawasan 24 jam di perairan negara ini menerusi pelbagai usaha termasuk mengadakan unit risikan kecil di darat dan mendapat maklumat daripada orang awam bagi membendung kejadian yang merugikan negara itu berulang walaupun pada musim tengkujuh. Beliau turut menggesa agensi kerajaan berkaitan turut memberi perhatian terutama bagi menyelia setiap bot nelayan sebelum memperbaharui lesen menangkap ikan yang dipohon setiap tahun.

29/12/2008 (Isnin)

Sentral: PIBG desak isu bangunan SMK Senaling tiada CF diatasi

SEREMBAN: Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Kebangsaan Senaling (SMKS), Kuala Pilah mahu pihak berkuasa menyelesaikan segera masalah ketiadaan sijil layak menduduki (CF) bangunan sekolah itu walaupun ia sudah beroperasi sejak empat tahun lalu.

Yang Dipertua PIBG SMKs, Baharin Mohammad, 42, berkata pihaknya mempunyai dokumen lengkap mengenai pembinaan bangunan sekolah itu yang tidak mempunyai CF dan ia sudah dimaklumkan kepada pihak pengurusan sekolah. Beliau berkata, pihaknya menyedari perkara itu sejak tahun lalu dan pernah disuarakan dalam mesyuarat ahli jawatankuasa PIBG untuk dibincangkan, selain memaklumkan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Senaling, Datuk Ismail Lasim.

"Bagaimanapun, sehingga kini masalah ketiadaan CF itu belum dapat diselesaikan walaupun sekolah itu yang menempatkan seramai 320 pelajar sudah beroperasi sejak empat tahun lalu. "Apa yang membimbangkan kita ialah kemungkinan guru dan pelajar sekolah terdedah kepada risiko kejadian yang tidak diingini kerana dua tahun lalu pernah berlaku atap genting dan siling sebuah bilik darjah tiba-tiba runtuh."Bagaimanapun, ketika kejadian tiada pelajar dalam kelas terbabit kerana cuti persekolahan," katanya di sini.

Baharin berkata, pihaknya bimbang dengan struktur bangunan sekolah itu yang dibina dengan kos kira-kira RM2.2 juta akan mengundang bahaya kepada warga sekolah berikutan tiada jaminan bangunan itu selamat digunakan dan diduduki.


"Selaku Yang Dipertua PIBG, saya berharap pihak berkuasa terutama Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan (JPNS) dan kerajaan negeri dapat mengambil tindakan wajar atau memberikan jaminan bahawa bangunan sekolah itu selamat digunakan sebelum kejadian tidak diingini berlaku.

"Walaupun JPNS mengeluarkan surat bahawa bangunan itu selamat untuk diduduki tetapi ia bukan bidang kuasa jabatan itu untuk menentukan kedudukannya dan dikhuatiri ia akan menimbulkan masalah di kemudian hari," katanya.

30/12/2008 (Selasa)

Duke mula operasi Januari

Oleh Azli Ayob azliayob@bharian.com.my



Lebuhraya 18km hanya babitkan laluan Karak-Ulu Kelang

LEBUHRAYA Duta-Ulu Kelang Expressway (Duke) yang dikendalikan Konsortium Lebuhraya Utara-Timur (KL) Sdn Bhd (Kesturi) akan dibuka kepada lalu-lintas bulan depan dengan

anggaran 50,000 kenderaan menggunakannya pada tahun pertama operasi. Pembukaan awal lebuh raya sepanjang 18 kilometer dengan kos pembinaan RM890 juta itu bagaimanapun akan hanya membabitkan laluan Karak-Ulu Kelang sebelum laluan Duta-Sentul dibuka pada April depan. Lebuh raya bertol terbaru di Lembah Klang dengan empat dan tiga lorong itu terdiri daripada tiga laluan iaitu Duta Link, Ulu Kelang Link dan Karak Link.

Duta Link membabitkan perjalanan ke arah timur antara Duta dan Sri Hartamas (berhampiran Solaris) ke Jalan Kuching dan Jalan Sentul, sementara Ulu Kelang Link meneruskan laluan Duta Link menuju Jalan Ulu Kelang/MRR II dan melintasi Jalan Pahang, Jalan Ayer Jerneh dan Jalan Semarak. Karak Link pula membabitkan perjalanan ke arah utara iaitu dari Duta dan laluan Ulu Kelang Link dengan menyediakan akses ke kawasan sekitar Batu Caves, Genting, Karak sebelum menuju ke Pantai Timur.

Pengarah Projek Duke, Chua Soo Kok, berkata pembukaan lebuh raya itu dapat mengurangkan kesesakan di Kuala Lumpur selain menyediakan perjalanan selesa dari Duta menuju Pantai Timur dan Ulu Kelang serta sebaliknya. "Dengan pemanduan pada 80 km sejam, pengguna boleh sampai ke Ulu Kelang atau Batu Caves dari Duta atau NKVE dalam masa sembilan minit," katanya dalam satu temubual dengan Berita Harian di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Chua lebuh raya terbuka itu turut menyediakan kira-kira lapan kilometer atau 50 peratus perjalanan bebas tol. Perjalanan bebas tol termasuk dari Persimpangan Bertingkat Duta menuju Persimpangan Bertingkat Kuching; Persimpangan Bertingkat Greenwood ke Persimpangan Bertingkat Bandar Dalam serta dari Persimpangan Bertingkat Setiawangsa menuju Persimpangan Bertingkat Hillview.

"Konsep lebuh raya terbuka bermakna pengguna hanya perlu berhenti sekali saja di salah satu tiga plaza tol yang berkenaan bagi membuat pembayaran tanpa perlu mengambil tiket tol," kata Chua.

31/12/2008 (Rabu)

Utara: Risda lebar sayap ke Sabah, Sarawak

BERUAS: Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) akan melebarkan sayapnya ke Sabah dan Sarawak mulai tahun depan bagi membantu pekebun kecil di kedua-dua negeri itu memperoleh pendapatan lumayan hasil daripada aktiviti pertanian yang diusahakan.

Pegawai khas kepada Pengerusi Risda, Azhar Ahmad berkata, kedua-dua negeri terbabit telahpun memberikan lampu hijau kepada agensi itu untuk membuka ladang dan membangunkan tanah penduduk untuk tujuan pertanian dan aktiviti industri ringan berasaskan pertanian.

Beliau berkata, kini peserta Risda telah melepasi garis kemiskinan tegar apabila mereka mampu mendapat hasil purata RM2,000 sebulan daripada pelbagai sumber pendapatan seperti saham, upah bekerja di ladang dan aktiviti industri hiliran usahasama bersama agensi berkenaan.

Katanya, bagi tujuan itu, Risda akan memberikan tumpuan kepada penanaman seperti kelapa sawit, getah, lada hitam, koko dan kopi di samping mewujudkan industri hiliran seperti memproses makanan ringan, pembabitan dalam bidang kontraktor ladang serta pelancongan.

"Kita yakin kemasukan Risda di kedua-dua negeri terbabit akan dapat meningkatkan pendapatan pekebun kecil di negeri berkenaan di samping mengalakkan pertambahan nilai hasil pertanian melalui pelbagai program yang dilaksanakan melalui pegawai-pegawai Risda di situ. "Sebagai permulaan Risda akan membuka dan melaksanakan penanaman sawit di Sarikei, Sarawak," katanya kepada pemberita di sini.

Azhar berkata, beberapa skim baru membabitkan peserta seperti bidang ternakan, kraftangan dan pembuatan kuih muih akan diberikan tumpuan bagi membolehkan mereka mendapat pulangan pendapatan lebih tinggi.

Beliau berkata, Risda mensasarkan pendapatan yang lebih tinggi iaitu RM3,000 sebulan bagi setiap peserta menjelang 2010 berikutan pertambahan permintaan hasil sawit dan getah dari luar negara.